

## KEFAHAMAN GURU SAINS TENTANG INTEGRASI ILMU AKIDAH MERENTASI KURIKULUM (AMK) DALAM PENGAJARAN SAINS

*Siti Zaleha Mat Kilau*<sup>1</sup> & *Zetty Nurzuliana Rashed*<sup>2</sup>

*Fakulti Pendidikan, Universiti Islam Selangor (UIS), 43000 Kajang, Selangor, Malaysia*<sup>1&2</sup>  
*19pe1005@student.kuis.edu.my*<sup>1</sup> & *zetty@kuis.edu.my*<sup>2</sup>

### ABSTRACT

*Weaknesses in akidah (Islamic faith) and social problems among Muslims are often topics of debate in society, involving Muslim youth and school students. This study discusses the understanding of Science teachers on the Faith Across the Curriculum (AMK) in teaching Science in private Islamic primary schools, specifically at SRI IKRAM Musleh in the state of Selangor. The study sample was purposively selected and consisted of three Science teachers as the primary informant, while supporting data included one Headmasters, one Heads of Science Department teachers and three students from focus group discussions (FGD). The research design employed a qualitative method based on semi structured interviews, teaching observations, and document analysis. Data from the study were processed and analyzed using thematic analysis and the assistance of Nvivo12 software. The study findings indicate that the informants have a clear understanding of the integration of Islamic Faith Across the Curriculum (AMK) principles in the teaching of Science. The study on the integration of Islamic Faith by Science teachers has significant implications, as it can serve as guidance in shaping the beliefs and morality of children towards producing a generation that understands and internalizes the Quran and Sunnah while practicing a complete and comprehensive Islamic way of life as a choice and solution in their lives.*

**Keywords:** *Integration of knowledge, Science Education Based on Tauhid, Integrated Curriculum, Tauhidic Sciences and Ikram Musleh.*

### ABSTRAK

Kelemahan akidah dan masalah sosial dalam kalangan umat Islam sering menjadi topik perdebatan dalam masyarakat yang melibatkan remaja Islam dan pelajar-pelajar sekolah. Kajian ini membincangkan kefahaman guru-guru Sains terhadap konsep Akidah Merentasi Kurikulum (AMK) dalam pengajaran Sains di sekolah rendah agama swasta SRI IKRAM Musleh (SRI IM) di negeri Selangor yang diharapkan dapat membantu masalah sosial ini. Sampel kajian adalah dalam bentuk persampelan bertujuan, yang terdiri dari tiga orang guru Sains sebagai responden utama, manakala data sokongan adalah seorang Guru Besar, seorang Guru Ketua Panitia Sains dan tiga orang pelajar sebagai ahli kumpulan perbincangan (FGD). Rekabentuk kajian menggunakan kaedah kualitatif berdasarkan temu bual semi struktur, pemerhatian pengajaran dan analisis dokumen. Data kajian diproses dan dianalisis menggunakan kaedah tematik dan bantuan aplikasi *Nvivo12*. Dapatan kajian menunjukkan kefahaman informan adalah jelas tentang integrasi ilmu AMK dalam pengajaran Sains. Kajian tentang integrasi ilmu AMK oleh guru-guru subjek Sains ini mempunyai impak yang signifikan dan diharapkan boleh menjadi panduan dalam membentuk akidah serta akhlak anak-anak ke arah melahirkan generasi *Rabbani* yang memahami dan menghayati al-Quran dan as-Sunnah selain mengamalkan cara hidup Islam yang lengkap dan sempurna sebagai pilihan dan penyelesaian masalah dalam kehidupan mereka

**Kata kunci:** *Integrasi ilmu, Pendidikan Sains Beraskan Tauhid, Kurikulum Bersepadu, Sains Tauhidik dan Ikram Musleh.*

## **PENGENALAN**

Akidah adalah satu perkara yang sangat asas dalam Islam. Semenjak Nabi Adam dan nabi-nabi yang diutuskan di sepanjang zaman sehingga kepada nabi yang terakhir iaitu Nabi yang mulia Muhammad SAW membawa mesej yang sama iaitu untuk membawa manusia untuk menyembah Allah SWT Pencipta alam yang esa. Firman Allah SWT yang bermaksud,

*“Dan sesungguhnya Kami telah mengutus dalam kalangan tiap-tiap umat seorang Rasul (dengan memerintahkannya menyeru mereka): "Hendaklah kamu menyembah Allah dan jauhilah Taghut”*

al-Quran, an-Nahl 16: 36

Perkara ini telah terbukti apabila penurunan al-Quran yang bersifat *Rabbani* (ketuhanan) telah menekankan pendekatan dari aspek akidah sebagai dasar yang terpenting dalam pembinaan komuniti Islam pada peringkat permulaan (Mohd Fauzi Hamat, 2002). Menyentuh tentang kefahaman, guru Sains harus memiliki pengetahuan dan kefahaman Sains terhadap pengajarannya. Guru perlu tahu kandungan yang akan diajar dan kaedah mengajar bahan tersebut kepada pelajarannya. Dalam konteks subjek Sains, kandungan yang akan diajar merujuk kepada pengetahuan dan pemahaman guru tentang Sains, manakala kaedah mengajar pula merujuk kepada pengetahuan tentang pelajar dan pedagogi. Selain itu, guru Sains juga memerlukan pengetahuan tentang teknologi bagi membantu menyampaikan pengajaran dan pembelajaran secara berkesan.

Guru harus mempunyai keyakinan diri dan kewibawaan dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran bagi mata pelajaran yang diajarkan. Untuk mencapai tujuan ini, guru perlu menguasai pelbagai disiplin ilmu yang berkaitan, mempunyai kefahaman dan penghayatan yang jelas tentang Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK), kurikulum sekolah, pengetahuan ikhtisas, potensi pelajar, penggunaan pelbagai media, kaedah pentaksiran dan penilaian, penyelidikan, serta pelbagai strategi pragmatik bagi membina persekitaran pembelajaran yang berkesan (KPM (2022). Standard Guru Malaysia).

Justeru, menyedari hakikat bahawa integrasi ilmu juga merupakan salah satu konsep yang penting dalam mempertingkatkan kefahaman tentang kekuasaan Allah SWT dan langkah-langkah ke arah melahirkan generasi *Rabbani*, kajian telah dibuat untuk melihat sejauh mana kefahaman konsep AMK ini telah diterap oleh guru-guru Sains di sekolah-sekolah rendah swasta SRI IM demi melahirkan insan-insan *Rabbani* yang dicitakan. Usaha penerapan integrasi ini penting dimulakan dari peringkat awal di peringkat sekolah-sekolah rendah supaya anak-anak ini memahami dan menghayati aplikasi integrasi ilmu dari umur yang awal.

Melalui pendidikan dan integrasi ilmu dengan akidah, syariah dan akhlak dalam modul pembelajaran adalah salah satu cara terbaik untuk melahirkan modal insan *Rabbani* yang seimbang (Endang Soetari, 2017). AMK dalam pengajaran Sains merupakan satu cara untuk melahirkan modal insan dan generasi *Rabbani* yang diharapkan. Integrasi antara sains dan akidah Islam juga dapat membentuk karakter holistik kepada pelajar. Mereka tidak hanya cerdas dalam sains, tetapi juga memiliki akhlak yang mulia sesuai dengan ajaran Islam. Dengan demikian, pendidikan yang menggabungkan aspek keilmuan dan keagamaan dapat menghasilkan individu yang lebih baik secara menyeluruh, sesuai dengan prinsip-prinsip agama dan akidah.

## **PERNYATAAN MASALAH**

Walau bagaimanapun, sehingga kini, masih ada tanggapan kuat dalam masyarakat umum yang mengatakan bahawa sains dan agama ialah dua entiti yang tiada titik pertemuan. Kedua-duanya mempunyai dunia masing-masing; terpisah antara satu dengan yang lainnya; baik dari segi objek material, metode penelitian, kriteria kebenaran serta peranan yang dimainkan oleh ilmuwan. Dalam kata lain, sains tidak selari dengan agama dan agama pun tidak selari dengan sains. Mereka berpendapat bahawa bidang Sains membawa data yang didukung secara empiris untuk memastikan sesuatu perkara itu nyata dan tidak nyata. Sebaliknya, agama menerima perkara ghaib dan tidak pasti serta hanya didasarkan pada perkara yang terwujud daripada iman dan kepercayaan (Iis Arifudin, 2016).

Pendidikan perlu mengambil peranan penting dalam pembinaan nilai-nilai positif kepada masyarakat seiring dengan matlamat ke arah menjadi sebuah negara maju dan moden. Tanpa penerapan elemen nilai-nilai murni ke arah pembangunan insan yang seimbang dari segi akademik dan akhlak, manusia akan menjadi huru-hara. Sebagai contoh, negara matahari terbit, Jepun yang terkenal dengan kepandaian mencipta teknologi tinggi, namun kadar kematian yang tinggi akibat kes bunuh diri juga merupakan ancaman dan masalah terhadap masyarakat mereka. Secara global, dianggarkan seramai 2.5 juta manusia telah membunuh diri kerana kerja dan 60% daripada kes bunuh diri berlaku di Asia (Norazri Mohd Zaidin, 2015).

## **SOROTAN KAJIAN**

Konsep-konsep integrasi ini juga berkait rapat dengan pemahaman terhadap kerjasama di mana kerjasama mewujudkan interaksi bukan sahaja antara manusia tetapi juga termasuk alam. Konsep bersepadu ini memandu manusia di dalam perlakuan dan perbuatan seharian. Ini berlaku apabila paksi kepada konsep sepadu adalah berteraskan al-Quran dan as-Sunnah. Konsep integrasi atau kesepaduan ini berkait dengan satu himpunan konsep cantuman, saling hubungan, gabung jalin, kesinambungan, penyelarasan, pertalian, perkaitan, interaksi, kerjasama, merentas disiplin, ke saling bergantung dan penyatuan (Zetty Nurzuliana Rashed et al. 2020).

Berdasarkan dapatan kajian yang telah dijalankan oleh Chanifudin & Tuti Nuriyati (2020) yang menunjukkan Sains dan agama merupakan satu bentuk keilmuan yang mantap dan saling berkaitan. Ilmu pengetahuan yang berkaitannya tidak akan lepas dari ilmu al-Quran dan as-Sunnah yang tidak ada keraguan di dalamnya. Integrasi di sini bererti lengkap dan menyeluruh. Integrasi bukan sekadar menggabungkan pengetahuan Sains dan agama atau memberikan bekal norma keagamaan yang sangat dominan tetapi lebih dari itu. Integrasi adalah usaha mempertemukan cara pandang, cara berfikir dan cara bertindak antara Sains dan Islam. Integrasi juga memiliki pemikiran eksklusif Islam dengan pemikiran sekular Barat, sehingga dihasilkan corak dan paradigma keilmuan baru yang utuh dan moden.

Kita dapat melihat kajian oleh Mohammad Hafiz et al (2018) menunjukkan Sains merupakan salah satu cabang ilmu pengetahuan yang memainkan peranan penting untuk mencipta teknologi bagi mencapai kemajuan sesebuah negara. Ianya juga menjadi salah satu teras bagi pembentukan tamadun manusia. Sains Moden yang diamalkan pada hari ini diperkenalkan oleh tamadun Barat, dimana ianya bersifat sekular dan liberal serta menolak doktrin metafizik dan agama. Justeru, pada masa kini, penekanan pembangunan sains mengikut pandangan agama Islam serta konsep ketuhanan sangat ditekankan. Sains tauhidik adalah satu bidang sains yang

berteraskan konsep tauhid yang tidak memisahkan kegiatan sains daripada konsep ketuhanan. Konsep sains tauhidik mula diserapkan dalam pembangunan peradaban Melayu sebagai usaha ke arah membangunkan Tamadun Melayu mengikut landasan dan kerangka agama Islam.

Seterusnya kajian oleh Yunus et al., (2021) tentang falsafah Sains Islam yang dibahaskan melalui ayat al-Quran yang menyebut bahawa perkataan Allah itu dapat diklasifikasikan kepada tiga bidang Sains, iaitu Sains Tauhidik, Sains sosial dan Sains tabii. Pertama: persoalan Sains Tauhidik yang disebutkan merangkumi keesaan Allah sebagai pentadbir sekalian alam (*tawhid al-Rububiyah*), keesaan Allah sebagai Tuhan yang perlu disembah (*tawhid al-uluhiyyah*), dan keesaan Allah pada zat, segala nama dan sifat (*tawhid al-Asma wa al-sifat*). Kedua: persoalan Sains sosial merangkumi bidang Sains sosiologi, kimia, astronomi, ekonomi, syariah, politik, antropologi, akhlak dan tamadun. Ketiga: persoalan Sains tabii yang merangkumi Sains biologi, fizik, kimia kejuruteraan, geologi, bioteknologi, pertanian dan perindustrian.

Walau bagaimanapun ada juga terdapat kekurangan dari segi pendedahan ilmu integrasi. Hasil kajian oleh Sharina Abu Hanifah (2017) mendapati 93.8% respondennya meminati Sains tetapi hanya 63.1% pernah didedahkan kepada kefahaman pembelajaran berintegrasi Sains dan Islam. Selain itu, 63.1% memahami maksud sekularisme dan 69.2% menyedari unsur kimia ada disebut di dalam al-Quran. Kajian ini juga menunjukkan bahawa lebih 90% responden bersetuju Sains dan Islam dikaitkan dengan cara bersepadu. Ini memnunjukkan integrasi Sains dan Islam atau Sains Tauhidik memandu kita meneroka dan mempelajari tentang alam ini melalui aktiviti Sains berlandaskan Islam berpandukan al-Quran dan as-Sunnah. Melalui dapatan kajian ini, majoriti pelajar telah mempunyai pendedahan dan kesedaran namun usaha giat perlu dilakukan supaya pengajaran dan pembelajaran sains berasaskan al-Quran dan as-Sunnah boleh dilaksanakan dengan kaedah yang betul. Integrasi ilmu sains dengan Islam juga membuatkan mereka berfikir tentang kekuasaan Allah SWT. Selain itu, kajian ini menunjukkan apabila sains yang dijalankan dan dikaji bersandarkan tanggungjawab manusia sebagai khalifah dan berpandukan al-Quran dan as-Sunnah, ia mampu menghasilkan insan yang bersemangat, terdorong untuk melakukan kebajikan dan sentiasa mendekatkan diri kepada Allah SWT.

Kajian oleh Yuslina Mohamed et al. (2018) mendapati bahawa elemen integrasi *naqli* dan *aqli* di dalam kursus pengajian mereka masih di peringkat awal. Elemen akidah masih dibincang dan diintegrasikan dengan secara ringan dan tidak mendalam, tanpa garis panduan yang jelas untuk dilaksanakan secara sistematik. Kefahaman tentang akidah masih kurang kerana terdapat guru-guru bahasanya yang tidak mempunyai latar belakang sijil Pengetahuan Islam yang rasmi dan terdapat juga permasalahan di kalangan pelajar-pelajarnya yang berlainan pandangan di atas beberapa perkara.

Keadaan ini disahkan dengan dapatan kajian yang hampir sama pada tahun berikutnya oleh Hazlina Abdullah et al. (2019), mendapati para respondennya masih mempunyai kesedaran dan pemahaman yang minima mengenai konsep *naqli* dan *aqli*, dan tidak menyentuh konsep *naqli* dan *aqli* secara mendalam. Walau bagaimanapun, para pelajar masih bersifat optimistik dan percaya bahawa integrasi ilmu tersebut berpotensi menjadi lebih berjaya dan holistik untuk memenuhi misi dan visi universiti dalam menghasilkan umat Islam yang dihormati.

Ini membawa kepada pendedahan integrasi antara sains dan agama amatlah digalakkan seperti disebut dalam kajian Ahmad Yunus & Asmilyia (2021) yang melihat kepada pencapaian kepada satu konsep yang digelar sebagai Sains Tauhidik yang mengandungi unsur-unsur yang

dijelaskan di dalam maqasid al-Quran agar matlamat terakhir pendidikan adalah mengenali kebesaran Allah SWT dan tunduk dengan kekuasaan Pencipta alam ini tanpa menafikan kebesaran Ilahi dan tidak bersikap sombong dengan kebolehan mengetahui ciptaan-Nya. Tunduk kepada kekuasaan Allah SWT dan bersyukur kepada-Nya atas segala pemberian-Nya, dapat memainkan peranan manusia sebagai Khalifah di muka bumi ini iaitu sebagai khalifah yang menjalankan segala perintah Allah SWT untuk mentadbir dan memakmurkan bumi ini dengan sebaik mungkin. Oleh itu, di dalam al-Qur'an, terdapat pelbagai ayat yang menggesa manusia untuk melihat dan memerhatikan segala penciptaan Tuhan.

Kajian-kajian banyak dijalankan di universiti tetapi masih berkurangan di peringkat sekolah. Justeru, kajian berkaitan AMK ini mengisi ruang itu kerana ilmu integrasi amat membantu dengan pendedahan di awal umur supaya pendedahan cara hidup Islam akan menjadi sehati bersama pelajar apabila ditanam di peringkat awal dalam kehidupan mereka.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian yang dijalankan menggunakan kaedah kualitatif untuk meneroka sejauh mana kefahaman informan terhadap integrasi ilmu AMK dalam pengajaran Sains di sekolah rendah agama swasta SRI IM di Selangor. Bagi mendapatkan data, temu bual telah diambil di tiga buah sekolah SRI IM di negeri Selangor, dikumpul dan dianalisis. Pengkaji telah mengumpulkan data melalui pendekatan kualitatif dan sampel bertujuan. Data utama ialah temu bual semi struktur dari tiga orang Guru Sains yang mengajar tahap dua iaitu tahun empat, lima atau enam dan berpengalaman mengajar Sains sekurang-kurangnya selama tiga tahun. Manakala data sokongan pula adalah dari seorang Guru Besar, seorang Ketua Panitia Sains dan tiga orang pelajar dari kumpulan perbincangan (*FGD*). Pelajar yang di temu bual adalah di bawah penyeliaan guru Sains peserta kajian, dari tahap dua kerana pelajar-pelajar tahap dua adalah lebih matang dan boleh menjawab soalan temu bual dengan lebih baik. Tiga kaedah pengumpulan data telah digunakan iaitu secara temu bual semi struktur, pemerhatian pengajaran dan analisis dokumen. Kesemua data dianalisis secara deskriptif menggunakan kaedah tematik dan bantuan aplikasi *Nvivo12*.

## **DAPATAN KAJIAN**

### **Kefahaman Guru Sains Terhadap Konsep Integrasi Ilmu AMK**

Setelah dianalisis dan pengkodan dibuat secara pengkodan membuka, pengkodan sisi dan pengkodan memilih, dianalisis dengan bantuan aplikasi *Nvivo12* maka didapati sebanyak tiga tema utama dan sub-tema yang dinyatakan oleh responden berkaitan kefahaman mereka tentang konsep pengintegrasian ilmu AMK dalam pengajaran Sains iaitu: i) Perkaitan ilmu; ii) Kefahaman Sains bersumber al-Quran dan Hadis dan iii) Nilai tambah.

Dalam huraian ini perbincangan hanya difokus kepada satu tema sahaja i) Perkaitan ilmu. Kesemua peserta kajian dapat memberikan kefahaman yang jelas terhadap persoalan kajian ini dan mereka memberikan pandangan yang berbeza tetapi membawa makna yang hampir sama mengikut kefahaman mereka terhadap konsep pengintegrasian ilmu AMK dalam pengajaran Sains. Berdasarkan dapatan kajian, tema dan sub-tema bagi konsep pengintegrasian ilmu AMK dan Sains telah dirumuskan dalam jadual matriks perbandingan. Jadual 1.0 di bawah boleh dirujuk untuk memudahkan pemahaman.

Jadual 1.0: Rumusan dapatan terhadap tema dan sub-tema bagi kefahaman guru Sains

<b>Kategori</b>	<b>Tema</b>	<b>Sub-tema</b>
Kefahaman Guru Sains tentang AMK	Perkaitan Ilmu	i)Sains dan kehebatan kuasa Allah ii)Sains dan ayat al-Quran dan Hadis, iii)Sains dan Ketuhanan, iv)Sains dan Islam, v)Sains dan aturan ciptaan Allah vi)Kaitan Allah, manusia dan alam

Sumber: Temu bual Guru Sains sebagai data utama dan temu bual Guru Besar, Ketua Panitia Sains dan pelajar-pelajar (*FGD*) sebagai data sokongan

### **Kefahaman Guru sains Tentang Perkaitan Ilmu**

Hasil dapatan kajian tema pertama ini menjelaskan tentang kefahaman peserta kajian iaitu Guru Sains mengenai integrasi ilmu Akidah Merentasi Kurikulum (AMK) iaitu perkaitan ilmu akidah dalam pengajaran Sains dalam aspek perkaitan ilmu Sains dan kehebatan kuasa Allah, sains dan ayat al-Quran dan Hadis, Sains dan Ketuhanan, Sains dan Islam, Sains dan aturan ciptaan Allah dan kaitan Allah SWT, manusia dan alam. Kesemua kefahaman peserta kajian di bawah ini merupakan aspek dan maklumat penting bagi diri mereka sendiri dan untuk memberi kefahaman kepada pelajar-pelajar sekolah.

#### ***Sains dan kehebatan kuasa Allah***

Guru Sains 4 (GS4) memberi pandangannya dengan menyatakan setiap mata pelajaran yang diajar di sekolah ini perlu dikaitkan dengan konsep akidah kepada Allah SWT. Seorang pendidik perlu menjelaskan kepada pelajar bahawa Allah SWT itu adalah Pencipta. Dengan itu setiap ilmu yang dipelajari adalah datangnya dari Allah SWT. Beliau, GS4 yang sememangnya suka mengaitkan aspek Sains dengan akidah menyebut,

*“AMK perlu dilaksanakan dalam PdP Sains supaya pelajar secara tidak langsung pelajar dapat didedahkan dan mengaitkan setiap ilmu Sains khususnya dengan kebesaran dan keagungan Allah SWT.”*

#### ***Sains dan ayat al-Quran dan Hadis***

Ini dapat dibuktikan dengan penjelasan yang diberikan oleh GS4 yang menyatakan,

*“AMK ataupun Akidah Merentasi Kurikulum dalam pengajaran Sains ialah dikaitkan dengan sama ada topik ataupun silibus dengan ayat Quran ataupun dengan mana-mana potongan Hadis.”*

#### ***Sains dan Ketuhanan***

GS1 juga menguatkan hujah dengan rasa kagum dengan berkata,

*“.....bagaimana Sains ni dapat mengubah persepsi mereka tentang dunia, bagaimana sains dapat melahirkan rasa kagum tentang ciptaan Allah dan banyak lagilah sebenarnya.”*

#### ***Sains dan Islam***

Sistem bersepadu yang diamalkan di sekolah SRI IM ini adalah menekankan integrasi dalam pengajaran dan pembelajaran dalam semua subjek. Huraian oleh seorang lagi Guru Sains iaitu GS7 yang berkata,

*“.....Sumber yang berkaitan dengan Sains banyak terdapat dalam al-Quran merupakan sumber rujukan bagi orang Islam. Sains itu sendiri adalah kehidupan,*

*oleh itu dalam pengajaran Sains dapat merungkai ilmu Islam dengan unsur kehidupan seharian. Akidah merupakan perkara yang paling dasar dalam pembinaan modul insan cemerlang, Insyaa-Allah.”*

### **Sains dan aturan ciptaan Allah**

GS1 juga menambah bahawa penerapan elemen AMK ke dalam subjek Sains melalui al-Quran dalam pengajaran Sains merupakan satu proses yang seiring dengan perkembangan Sains dan teknologi terkini. Beliau menambah,

*“Sebagai seorang guru Sains sudah tentu saya nak anak-anak murid saya ni lebih celik Sains sebab Sains ni satu ilmu yang sangat luas dan sangat berguna dalam kehidupan dan saya nak mereka sekadar bukan tahu Sains tapi dapat kaitkan Sains dengan kehebatan ciptaan Allah dari segi akidah dia.”*

### **Kaitan Allah, manusia dan alam**

Begitu juga penerangan oleh GS1,

*“Kaitan antara ilmu ketuhanan dengan ilmu Sains-lah jadi sebab Sains ni adalah berkaitan dengan kajian kehidupan, alam semesta dan sebagainya, jadi aturan ciptaan Allah ni kita kaitkan dengan Sains.”*

Berikut seterusnya adalah triangulasi jawapan yang memberi kefahaman yang hampir sama tetapi dalam teks yang berlainan tentang kefahaman AMK dalam pengajaran Sains oleh peserta-peserta kajian sokongan iaitu Guru Besar, Ketua Panitia Sains dan pelajar-pelajar sekolah.

Sebagai triangulasi, jawapan yang hampir sama diberikan oleh Guru Besar dari SRI 1 (GB1) apabila ditanya mengenai kefahaman AMK iaitu AMK ialah perkaitan ilmu akidah dan Sains. Beliau berkata, *“...Maksudnya dalam pembelajaran sesuatu subjek tu subjek yang kita biasa subjek Sains sebagai contoh guru-guru tidak hanya mengajar subjek Sains seperti yang tertera pada dokumen standard pembelajaran tetapi menyerapkan elemen-elemen yang berkaitan dengan akidah dan akhlak supaya anak-anak murid melihat hubungan antara konten pembelajaran yang diajar bersama-sama dengan siapa ataupun konsep yang diterapkan di dalam Islam itu sendiri dari sudut konsep penciptaan, dan siapa yang mencipta daripada konsep Islam itu sendiri, apa kaitannya antara silibus-silibus tersebut ataupun tajuk-tajuk tersebut yang berkaitan dengan Islam. Jadi, semua itu ditafsirkan sebagai akidah Akhlak Merentasi Kurikulum.”*

Lanjutan dari catatan itu, triangulasi daripada kefahaman yang sama yang memberi jawapan berlainan tentang perkaitan ilmu akidah dan Sains. Berikut adalah satu contoh petikan jawapan tentang pemahaman berkaitan AMK dalam subjek Sains dari Ketua Panitia Sains 1 (KPS1) yang menyatakan

*“...Kalau untuk Sains pula banyak kita boleh kaitkan dengan ayat-ayat al-Quran contohnya mereka akan belajar berkenaan dengan sistem suria dari situ mereka akan kaitkan dengan beberapa ayat terutamanya surah Juzuk Amma. Itu pun boleh dikatakan akidah merentasi kurikulum juga. Maksudnya dia belajar, dia tahu topik ini ada kaitan dengan al-Quran, ada kaitan dengan agama. Banyak lagi bab-bab yang kita boleh masukkan unsur-unsur akidah dalam topik-topik Sains terutamanya bab-bab manusia, malahan alam haiwan. Saya mengajar mengenai rantai makanan, di situ saya masukkan unsur-unsur akidah, bahawa sanya Allah susun rantai makanan ni dalam susunan yang bagus, cantik. Saya kaitkan dengan surah ‘inna anzalna’. Sesungguhnya Allah ciptakan manusia dari sebaik-baik*

*penciptaan. Apa yang berlaku dekat bumi termasuklah alam haiwan, alam manusia sebaik-baik ciptaan Allah, so maksudnya kita akan sentiasa masukkan ayat-ayat Quran dalam setiap topik-topik yang kita ajar.”.*

Berikut pula adalah contoh pernyataan tiga orang pelajar daripada kumpulan perbincangan (FGD) yang menyatakan kefahaman mereka tentang kaitan Sains dan kuasa Allah SWT. Kumpulan pelajar ke-6 (P6), Nafie menyebut,

*“Macam belajar tadi Mualimah sebut api tak semestinya panas, kalau logik akal memang panaslah, dengan izin Allah api boleh jadi sejuk. Ali (P6) berkata: “Api tu macam tak semestinya panas kalau nak api tu macam panas sejuk tu dia ikut ketentuan Allah, Ali menambah: tentang manusia, tulang-tulang sendi dengan fungsi dia sekali. Untuk memberi kemudahan kepada manusia, Iman (P6) pula berkata: Peredaran darah mengalir ikut izin Allah. Darah pergi ke jantung. Lepas tu jantung tu pam darah tu ke seluruh badan. Semuanya dengan izin Allah.”*

## **PERBINCANGAN KAJIAN**

Kajian ini memberi gambaran tentang kefahaman AMK yang jelas oleh guru-guru Sains sebagai informan utama dan Guru Besar, Guru Ketua Panitia Sains dan pelajar-pelajar sebagai informan sokongan yang telah menunjukkan kefahaman mereka bahawa dalam subjek Sains itu ada perkaitan ilmu iaitu perkaitan Sains dengan kekuatan dan kekuasaan Allah SWT sebagai Pencipta. Dapatan dari kajian ini juga menunjukkan tentang kejelasan kefahaman guru Sains di SRI IM ini tentang kejelasan perkaitan ilmu yang bersumberkan dari ayat al-Quran dan Hadis.

Dapatan kajian ini selari dengan hasil kajian oleh Chanifudin & Tuti Nuriyati (2020) yang menunjukkan Sains dan agama merupakan satu bentuk keilmuan yang mantap dan saling berkaitan. Ilmu pengetahuan yang berkaitannya tidak akan lepas dari ilmu al-Quran dan Hadis yang tidak ada keraguan di dalamnya yang bersifat lengkap dan menyeluruh. Integrasi bukan sekadar mengaitkan pengetahuan Sains dan agama atau memberikan bekalan norma keagamaan yang sangat dominan tetapi lebih dari itu iaitu integrasi adalah usaha mempertemukan cara pandang, cara berfikir dan cara bertindak antara Sains dan Islam. Justeru dapat melahirkan insan yang seimbang dari aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek.

Bagi tema yang sama, kajian ini ini memberikan hasil dapatan yang selari dengan kajian oleh Mohammad Hafiz et al. (2018) yang menunjukkan Sains pada masa kini perlu diberi penekanan pembangunan mengikut pandangan agama Islam serta konsep ketuhanan. Sains Tauhidik adalah satu bidang sains yang berteraskan konsep tauhid yang tidak memisahkan kegiatan sains daripada konsep ketuhanan merupakan salah satu cabang ilmu pengetahuan yang memainkan peranan penting untuk mencipta teknologi bagi mencapai kemajuan sesebuah negara. Ianya juga menjadi salah satu teras bagi pembentukan tamadun manusia. Sains Moden yang diamalkan pada hari ini diperkenalkan oleh Tamadun Barat, dimana ianya bersifat sekular dan liberal serta menolak doktrin metafizik dan agama. Di atas kesedaran dan keinsafan itu, umat Islam perlu kembali kepada kebesaran Allah SWT dengan mengaitkan sifat dan nilai-nilai ketuhanan di dalam kehidupan seharian.

Kefahaman guru tentang sesuatu konsep pendidikan adalah penting. Ia menjadi asas kepada pelaksanaan dan amalan guru dalam bilik darjah. Kefahaman yang berkait rapat dengan



falsafah dan kepercayaan diperlukan oleh seseorang guru sebelum disampaikan dalam bentuk perkataan dan tingkah laku melalui proses pengajaran dan pembelajaran (Dewi Safitri, 2019).

Integrasi ilmu Akidah Merentasi Kurikulum (AMK) dalam pengajaran Sains merupakan salah satu langkah penting dalam mencapai pendidikan yang holistik. Guru Sains yang mempunyai kefahaman yang jelas tentang konsep AMK dalam pengajaran Sains memiliki peranan untuk sama-sama membantu dalam pembentukan insan *Rabbani* ini, namun cabaran seperti kurangnya persiapan dan panduan konkret perlu diatasi. Dengan memberikan perhatian khusus pada persiapan guru dan penyusunan panduan yang jelas, kita dapat memastikan bahawa integrasi akidah Islam dalam pengajaran Sains bukan hanya menjadi konsep, tetapi juga menjadi kenyataan yang terwujud dalam pembentukan generasi yang cerdas dan berakhlak. Kekurangan pendedahan tentang ilmu integrasi seperti kajian oleh Yuslina Mohamed et al. (2018) dan Hazlina Abdullah et al. (2019) boleh sama-sama di atasi dengan usaha dan program yang sesuai.

Justeru, konsep AMK dalam pengajaran Sains merupakan konsep yang penting yang perlu diambil perhatian oleh guru Sains dalam memastikan pencapaian dan kejayaan generasi *Rabbani* seperti yang dicitakan oleh IKRAM Musleh dan masyarakat Islam keseluruhannya. Aspek ini juga merupakan aspek yang sangat penting dalam membentuk guru dan pelajar yang berkualiti kerana kejayaan guru mempertingkatkan kefahaman akan mempertingkatkan penghasilan pelajar yang berkualiti

## KESIMPULAN

Setiap guru harus mempunyai kefahaman yang jelas, kesedaran yang mendalam serta keyakinan yang jitu melalui cara yang betul untuk melahirkan natijah yang benar. Islam sangat menekankan penguasaan ilmu pengetahuan melalui pendidikan yang sempurna. Al-Quran dan as-Sunnah dijadikan panduan utama, sementara Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) merupakan tunjang kepada sistem pendidikan di Malaysia yang lengkap dan sempurna untuk membangunkan insan yang seimbang. Amalan integrasi ilmu *Aqli* (sains) dan *Naqli* (agama) yang dilaksanakan oleh guru-guru sains dalam pengajaran mereka berbentuk AMK ini dapat memberi kesedaran kepada pelajar tentang kekuasaan Allah SWT dan mendorong mereka untuk mengamalkan Islam sebagai cara hidup dalam menghasilkan insan yang *rabbani* (ketuhanan). Pendidikan yang berpaksikan al-Quran dan as-Sunnah serta berlandaskan akidah Islam sentiasa diperlukan di sepanjang zaman dan mampu melahirkan generasi yang berakidah mantap dan berakhlak mulia. Pendidikan yang seimbang antara aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek (JERI) merupakan salah satu cara penting untuk membangunkan modal insan yang unggul.

## RUJUKAN

- Al-Quran al-Karim. *Al-Qur'an al-Karim* (surah.my). Rujukan: Kerajaan Arab Saudi, Kementerian Hal Ehwal Islam, Wakaf, Dakwah dan Nasihat Al-Quran.
- Ahmad Yunus & Asmilyia, (2021). Ahmad Yunus Mohd Noor & Asmilyia Mohd Mokhtar. 2021. *Akademika* 91(2), Julai 2021: 167-176 <https://doi.org/10.17576/akad-2021-9102-14>
- Sains Tauhidik: Kolaborasi Ilmu antara Al-Quran dan Sains Modern (*Science Tawhidic: Collaboration of Knowledge Between Qur'an and Modern Science*).
- Chanifudin & Tuti Nuriyati (2020). *Asatiza Jurnal Pendidikan*. Integrasi Sains Dan Islam Dalam Pembelajaran.
- Dewi Safitri, (2019). *Menjadi Guru Profesional*. Riau: Intragiri.com.

- Idris, M., Fariza, W., Wan, A., Long, A. S., & Salleh, N. (2019). Pembangunan Modal Insan (PMI) Dari Perspektif Islam. *Journal of Management and Operation Research*, 1(2), 1–12.
- JAKIM, portal myHadith (2020). <https://myhadith.islam.gov.my/jenishadiths.php?id=13>.
- Jaya, S. A. F. (2020). Al-Qur'an Dan Hadis Sebagai Sumber Hukum Islam. *Jurnal Indo-Islamika*, 9(2), 204–216. <https://doi.org/10.15408/idi.v9i2.17542>.
- Hazlina Abdullah et al. (2019). *Journal of Islamic Social Sciences and Humanities*. Vol.18 (MAY) 2019: 28-39 Integrasi Naqli dan Aqli dalam Kursus Bahasa Inggeris untuk Tujuan Akademik: Apakah Pandangan Pelajar? Universiti Sains Islam Malaysia.
- KPM. Kementerian Pendidikan Malaysia. (2022): *Standard Guru Malaysia. Standard 2: Pengetahuan Dan Kefahaman*. Pengenalan. [https://anyflip.com/lisva/brik/basic/51-100#google\\_vignette](https://anyflip.com/lisva/brik/basic/51-100#google_vignette).
- Mohammad Hafiz et al (2018). *Sains Tauhidik dalam Pembangunan Peradaban Melayu*. Conference: Seminar Tamadun Islam 2018
- Mohd Fauzi Hamat. (2002). Peranan Akidah dalam Perancangan Pembangunan Ummah: Satu Analisis dalam Konteks Masyarakat Kini. *Jurnal Usuluddin*, Bil 16 [2002] 13-34.
- Sapie, S., Mohamad Fuad, I., Suhana, M. L., & Suzana Hanini, S. (2018). *Konsep Modul Integrasi Latihan Perguruan Pendidikan Islam*. 5<sup>th</sup> International Research Management & Innovation Conference, August, 1–12. [https://www.researchgate.net/publication/329236344\\_Konsep\\_Modul\\_Integrasi\\_Latihan\\_Perguruan\\_Pendidikan\\_Islam](https://www.researchgate.net/publication/329236344_Konsep_Modul_Integrasi_Latihan_Perguruan_Pendidikan_Islam)
- Syahirah, Mahmud, S. F., & Azni, M. E. (2022). Mengintegrasikan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) Dalam Membangunkan Modal Insan Bersepadu. *Jurnal Dunia Pendidikan, March*. <https://doi.org/10.55057/jdpd.2022.4.1.7>
- Yunus, A., Noor, M., & Mokhtar, A. M. (2021). Sains Tauhidik : Kolaborasi Ilmu antara Al-Qur'an dan Sains Moden Yunus, A., Noor, M., & Mokhtar, A. M. (2021). Sains Tauhidik: Kolaborasi Ilmu antara Al-Qur'an dan Sains Moden. *Akademika*, 91(2), 167–176.
- Yuslina Mohamed et al. (2018). Integrasi Naqli dan Aqli dalam Pengajaran Bahasa Arab Tujuan Khas di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). *Islamiyyat* 40(2) 2018: 105-113 (<https://doi.org/10.17576/islamiyyat-2018-4002-02>).
- Zetty Nurzuliana Rashed et al. (2020). Model Kurikulum Integrasi dalam Kurikulum Pendidikan Islam Model on Integrated Curriculum in Curriculum of Islamic Education. *Islāmiyyāt* 42 (Isu Khas) 2020: 51–58.